

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]**

SOALAN NO. 185

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan kutipan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017, mengikut pecahan suku tahun bagi kedua-dua tahun tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi tempoh 1 Januari sehingga 31 Disember 2018, PTPTN telah berjaya mengutip bayaran balik pinjaman pendidikan sebanyak RM3.35 bilion, berbanding RM3.99 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 2017. Bagi suku pertama tahun 2018, jumlah yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM869.03 juta berbanding RM1,064.76 juta pada tahun 2017. Manakala bagi suku kedua tahun 2018, jumlah yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM647.07 juta berbanding RM968.07 juta pada tahun 2017. Bagi suku ketiga tahun 2018 pula, jumlah yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM628.79 juta berbanding RM1,002.80 juta pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, jumlah kutipan balik pinjaman telah meningkat bagi suku keempat pada tahun 2018 berbanding tempoh yang sama untuk 2017 dimana jumlah yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM1,208.88 juta berbanding RM949.64 juta pada tahun 2017.